



## Teks Ucapan Perasmian

YBhg. Profesor Dr Asmadi bin Mohamed Naim,

Naib Canselor Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (UniSHAMS)

SEMPENA MAJLIS PERASMIAN PROGRAM *MEDICAL AND HEALTH SCIENCE CONFERENCE (MHSC)*  
2021,

ANJURAN KULLIYAH PERUBATAN DAN SAINS KESIHATAN.

*Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh* dan Salam Sejahtera,

### SALUTASI

- 1) Yang berbahagia, Prof. Madya Dr. Harif Fadzilah bin Che Hashim, Dekan Kulliyah Perubatan dan Sains Kesihatan (UniSHAMS).
- 2) Yang berusaha, Prof. Madya Dr. Faudzi Bin Abdullah, Timbalan Dekan Kulliyah Perubatan dan Sains Kesihatan (UniSHAMS). Serta
- 3) Semua peserta webinar *MEDICAL AND HEALTH SCIENCE CONFERENCE (MHSC) 2021*

### KATA PEMBUKA

1. *Alhamdulillah*, marilah bersama-sama merafakkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah rahmat dan izin-NYA, maka dapat bertemu dan berkenalan mesra dalam *MEDICAL AND HEALTH SCIENCE CONFERENCE (MHSC) 2021* pada pagi yang bahagia ini.
2. Pada kesempatan ini, saya ingin mengucapkan selamat datang kepada semua peserta webinar yang berada dalam *Zoom Live* ini dan tahniah kerana saudara dan saudari sekalian memilih untuk menyertai program ini.
3. Saya yakin dengan penganjuran program secara atas talian ini, kita dapat memupuk norma baharu untuk perkongsian pengetahuan berterusan dalam aktiviti penyelidikan dan juga penerbitan, dapat membuka peluang untuk kolaborasi antara penyelidik, profesional perubatan & kesihatan serta pegawai-pegawai dari industri di Malaysia.
4. Saya juga berharap, dan yakin, program ini dapat membantu meningkatkan kuantiti dan kualiti penyelidikan dan seterusnya dapat menyumbang kembali manfaat nya kepada masyarakat.
5. Justeru itu, saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada ahli jawatan kuasa *Medical Health and Science Conference (MHSC) 2021* yang berjaya menganjurkan persidangan atas talian buat julung kalinya. Persidangan ini adalah kolaborasi bersama di antara Kulliyah Sains Perubatan & Kesihatan, UniSHAMS dan Persatuan Pelajar MBBS, UniSHAMS (MediSHAMS)

6. Tema yang dipilih untuk persidangan ini iaitu **COVID-19: Embracing The New Paradigm**, merupakan tema yang sangat relevan dan komprehensif untuk semua lapisan masyarakat yang sekarang sedang menghadapi ancaman pandemik ini.
7. Pandemik atau wabak penyakit bukan perkara baharu dalam tamadun manusia. Pada tahun 1346-1353 pandemik *The Black Death* menyerang benua Eropah, Afrika dan Asia. Penyakit hawar ini berpunca daripada tikus dan kuman yang diangkut menerusi kapal dagangan menerusi laluan laut. Sekurang-kurangnya 75 juta nyawa manusia terkorban.
8. Jika dikaji dari sudut pandangan Islam menangani wabak penyakit, didalam Al-Quran terdapat ayat-ayat menceritakan tentang wabak penyakit antaranya **Surat Al Baqarah ayat 249**, **Surat Hud ayat 64-65** dan **Surat Al Anbiya' ayat 83**.
9. Di antara ajaran Nabi Muhammad s.a.w. apabila berhadapan dengan masalah penyakit berjangkit adalah pencegahan. Adalah menjadi tanggungjawab agama setiap individu dan masyarakat untuk mengambil langkah-langkah pencegahan dan mengelakkan diri dari tempat-tempat awam, termasuk masjid, agar orang yang sihat tidak dijangkiti. Sabda Rasulullah s.a.w.:

لَا يُورَدَنَّ مُمْرِضٌ عَلَى مُصِحِّ

Yang bermaksud: “*Yang sakit janganlah mendatangi yang sihat.*” (Hadis riwayat Imam Bukhari dan Imam Muslim).

Nabi s.a.w. juga telah memerintahkan mereka yang berada di tempat wabak untuk tidak keluar dari kawasanya. Mereka yang sihat pula diperintahkan untuk tidak memasuki tempat yang terkena wabak:

إِذَا سَمِعْتُمْ بِهِ بِأَرْضٍ فَلَا تَقْدُمُوا عَلَيْهِ وَإِذَا وَقَعَ بِأَرْضٍ وَأَنْتُمْ بِهَا فَلَا تَخْرُجُوا فِرَارًا مِنْهُ

Yang bermaksud: “*Apabila kamu mendengarnya (wabak) di sesuatu tempat, maka janganlah kamu pergi ke situ. Dan apabila ia berlaku di tempat kamu, maka janganlah kamu keluar lari daripadanya.*” (Hadis riwayat Imam Muslim).

10. Melihatkan kepada tentatif program pada hari ini dan esok, saya pasti, program ini dapat menimbulkan kesedaran serta dapat berkongsi ilmu dari pelbagai aspek tentang langkah-langkah pencegahan serta pengendalian Covid-19. Pelbagai tajuk menarik juga akan di sampai dan di bahaskan oleh barisan pembentang-pembentang yang berpengalaman dalam operasi memerangi pandemik COVID-19 ini.
11. Bagi semua para peserta atas talian, saya mengucapkan selamat berwebinar!

## **PENUTUP PERASMIAN**

1. Sebelum mengakhiri ucapan ini, marilah kita sama-sama panjat kan doa agar persidangan webinar ini dapat berjalan lancar dan semoga Allah Taala melimpahkan rahmah dan barakah kepada kita semua untuk terus komited berbakti pada agama, bangsa dan negara yang tercinta.
2. Dengan lafaz **Bismillahirrahmanirrohim**, saya merasmikan Program Webinar *Medical Health and Science Conference 2021*. Saya sudahi ucapan saya dengan lafaz, Wabillahi taufiq wal hidayah, assalamu’alaikum warah matullahi wabarakatuh.

3. Sekian, terima kasih.